

# Lelaki mengaku pecah masuk bistro dan curi RM1,003 dipenjara setahun

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara setahun terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah memecah masuk bistro dan mencuri wang RM1,003.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Hew Yew Tung, 46, yang didakwa mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan.

Syarifah memerintahkan hukuman penjara bagi Hew dikuatkuasakan mulai semalam.

Berdasarkan fakta kes, pemilik bistro (pengadu) iaitu seorang lelaki berusia 35 tahun dimaklumkan pekerjaanya bahawa bistro miliknya di Saradise di sini telah dimasuki pen-

curi melalui pintu 'roller shutter' pada 19 Oktober 2024, sekitar jam 2.10 petang.

Pengadu seterusnya membuat semakan terhadap kamera litar tertutup (CCTV) dan mendapati pintu tersebut telah dibuka menggunakan kunci.

Semakan lanjut mendapati peti wang mesin juruwang telah diumpil dengan wang tunai RM1,003 yang diletakkan di dalam peti berkenaan telah dicuri.

Susulan itu, pengadu membuat laporan polis dan hasil siasatan kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim, sementara Hew tidak diwakili peguam.